

- | | |
|---|--|
| <p>1.0 Purpose. This Addendum to Subcontracts ("Addendum") is incorporated by reference in the current version of ERM's General Terms and Conditions of Subcontracts on ERM.com and may be otherwise incorporated by reference into the subcontract to which "Subcontractor" (whether as defined in the subcontract or as identified below) is bound. Where incorporated by reference, signature on this Addendum is not required. A signature block has been provided below for cases where this Addendum is not incorporated by reference. This Addendum is a required part of any subcontracts with ERM, so where it is not incorporated by reference, this Addendum must be signed by the Subcontractor and returned to the Subcontractor's ERM contact so it can be included in the project file. Such signed copy should <u>also</u> be sent via email to businessconduct@erm.com. Once signed or incorporated for a subcontract, this Addendum thereby will be incorporated in all subsequent subcontracts between ERM and Subcontractor unless superseded by a subsequent signed or incorporated version of this Addendum.</p> <p>2.0 Scope. This Addendum applies worldwide to Subcontractor and all of its affiliates, and all of their Employees and Agents.</p> <p>3.0 Definitions</p> <p>3.1 The term "Employee" or "Employees" is specifically defined, for purposes of this Addendum, as: any personnel hired directly by Subcontractor (regardless of status classification of full-time, part-time, temporary, contract, etc.); interns (even if an intern does not receive payment by Subcontractor); employees of other companies seconded into Subcontractor, and any Subcontractor employee seconded to a non-Subcontractor company.</p> | <p>1.0 Tujuan. Adendum Pada Subkontrak ("Adendum") ini tergabung melalui rujukan di dalam versi Syarat-syarat Am Subkontrak ERM yang ada sekarang pada ERM.com dan jika tidak, boleh digabungkan melalui rujukan ke dalam subkontrak yang mengikat "Subkontraktor" (sama ada sebagaimana yang ditakrifkan di dalam subkontrak itu ataupun sebagaimana yang dikenal pasti di bawah ini). Jika tergabung melalui rujukan, tandatangan tidak diperlukan pada Adendum ini. Ruang tandatangan disediakan di bawah ini jika Adendum ini tidak tergabung melalui rujukan. Adendum ini ialah bahagian yang diperlukan bagi mana-mana subkontrak dengan ERM. Oleh itu, jika tidak tergabung melalui rujukan, Adendum ini mestilah ditandatangani oleh Subkontraktor dan dikembalikan kepada orang hubungan Subkontraktor bagi ERM supaya dapat dimasukkan ke dalam fail projek. Salinan yang ditandatangani itu hendaklah <u>juga</u> dihantar melalui e-mel ke businessconduct@erm.com. Setelah ditandatangani atau digabungkan bagi sesuatu subkontrak, Adendum ini dengan itu akan tergabung ke dalam semua subkontrak yang seterusnya antara ERM dengan Subkontraktor kecuali diatasi oleh versi Adendum ini yang ditandatangani ataupun yang digabungkan seterusnya.</p> <p>2.0 Skop. Adendum ini merangkumi Subkontraktor dan semua pihak gabungannya seluruh dunia, termasuklah semua Pekerja dan Ejen masing-masing.</p> <p>3.0 Definisi</p> <p>3.1 Istilah "Pekerja", "Pekerja-pekerja" atau "para Pekerja" ditakrifkan khususnya bagi tujuan Adendum ini sebagai: sesiapa sahaja yang diambil khidmatnya oleh Subkontraktor sendiri (tanpa mengira pengelasan kedudukannya sama ada sepenuh masa, separuh masa, sementara, kontrak, dan sebagainya); pelatih (walaupun pelatih tersebut tidak menerima bayaran daripada Subkontraktor); para pekerja syarikat-syarikat lain yang dipinjamkan kepada Subkontraktor; dan mana-mana pekerja Subkontraktor yang dipinjamkan kepada syarikat yang bukan milik Subkontraktor.</p> |
|---|--|

- 3.2 The term “Agent” or “Agents” is specifically defined as any member of Subcontractor’s board, any officer of Subcontractor, hired personnel, consultants, intermediaries, lobbyists, agents, representatives, independent contractors, lower tier subcontractors, and any others who act on Subcontractor’s behalf.
- 3.2 Istilah “Ejen”, “Ejen-ejen” atau “para Ejen” ditakrifkan khususnya bagi tujuan Adendum ini sebagai mana-mana anggota lembaga pengarah Subkontraktor, mana-mana pegawai Subkontraktor, kakitangan yang diupah, perunding, orang tengah, pelobi, ejen, wakil, kontraktor bebas, subkontraktor peringkat lebih rendah, dan sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak Subkontraktor.

4.0 Obligations

4.1 Anti-Bribery/Corruption (“ABC”). Subcontractor recognizes that ERM supports governmental efforts to combat bribery and corruption. Subcontractor hereby agrees to further ERM’s support. Accordingly, without limiting the foregoing:

4.1.1 Subcontractor shall use diligent efforts in training its Employees to recognize and avoid misconduct and the appearance of impropriety while conducting business on behalf of Subcontractor. Without limiting the obligations set forth herein, such efforts shall specifically support compliance with the UK Bribery Act, the US Foreign Corrupt Practices Act (“FCPA”), Organization for Economic Co-operation and Development (“OECD”) obligations, and shall address commercial bribery risk.

4.1.2 Subcontractor shall not, and shall ensure that its Employees and Agents do not, make, offer, or promise to make a payment or transfer anything of value, including a provision of any service, gift, favor, or entertainment to government personnel or other officials for the purpose of improperly obtaining or retaining business, or for any other improper purpose or business advantage. Further, Subcontractor shall not engage in commercial bribery. Subcontractor’s business entertainment practices shall conform to a Code of Business Conduct and Ethics adopted and implemented by Subcontractor that is substantially consistent with ERM’s Code of Business Conduct and Ethics. Further, Subcontractor shall comply with any applicable Code of the Client if communicated or available to Subcontractor.

4.0 Obligasi

4.1 Antisogokan / Antirasuah (“ABC”). Subkontraktor mengakui bahawa ERM menyokong usaha kerajaan memerangi sogokan dan rasuah. Subkontraktor dengan ini bersetuju menyertai sokongan ERM. Sehubungan dengan itu, tanpa membatasi perkara-perkara yang disebutkan sebelum ini:

4.1.1 Subkontraktor hendaklah menggunakan usaha yang sewajarnya untuk melatih para Pekerjanya agar mereka dapat mengenali dan mengelakkan salah laku mahupun sangkaan buruk semasa berurusan bagi pihak Subkontraktor. Tanpa membatasi obligasi yang dinyatakan di dalam Adendum ini, usaha sedemikian hendaklah khususnya menyokong kepatuhan kepada Akta Sogokan UK, Akta Amalan Rasuah Asing (“FCPA”) Amerika Syarikat, serta obligasi Organisasi Kerjasama Dan Pembangunan Ekonomi (“OECD”), dan hendaklah memberikan perhatian terhadap risiko berlakunya penyogokan komersial.

4.1.2 Subkontraktor dilarang, dan hendaklah memastikan bahawa para Pekerjanya dan para Ejennya juga tidak, membayar, menawarkan atau berjanji untuk membayar mahupun memindahkan apa-apa sahaja yang bernilai, termasuklah pemberian apa-apa khidmat, hadiah, pertolongan istimewa atau keraian kepada kakitangan kerajaan atau pegawai-pegawai lain dengan tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan dengan cara yang tidak wajar, atau apa-apa tujuan atau kelebihan perniagaan lain yang tidak wajar. Selanjutnya, Subkontraktor dilarang melakukan penyogokan komersial. Amalan keraian perniagaan Subkontraktor hendaklah mematuhi Tataniaga Dan Tataetika yang diikuti dan dilaksanakan oleh Subkontraktor, yang mestilah cukup selaras dengan Tataniaga Dan Tataetika ERM. Selanjutnya, Subkontraktor hendaklah mematuhi apa-apa Tataamalan yang dikenakan oleh Klien jika dimaklumkan atau disediakan kepada Subkontraktor.

- 4.1.2.1 No intermediaries. Subcontractor shall not use an agent or make a payment to any person or entity related to a local or foreign official. Subcontractor shall not make any payment to any intermediaries, including but not limited to friends, business associates or relatives of government officials, in order to circumvent this prohibition. In particular, payments or favors made to any close friend or close relative of a government official involved in any Subcontractor business, whether from ERM funds, Subcontractor funds or personal funds of an Agent or Employee of Subcontractor, are prohibited. For the purposes of this Addendum, a "close relative" means a spouse, partner, parent, step-parent, child, step-child, sibling, step-sibling, nephew, niece, immediate cousin, aunt, uncle, grandparent, grandchild, in-law, or a parent of an in-law.
- 4.1.2.2 Specifically forbidden behaviours. In support of, and without limiting, the foregoing, the following are forbidden:
- 4.1.2.2.1 To ignore or fail to report any indication of improper payments ("shrug off" issue).
 - 4.1.2.2.2 To induce or facilitate someone else to violate this Addendum (either aiding a violation of this Addendum or attempting to create "plausible deniability").
 - 4.1.2.2.3 To permit an Agent, Employee or other representative of Subcontractor or an ERM client to take questionable actions ("look the other way").
 - 4.1.2.2.4 To falsify, create, omit information, mischaracterize or alter any accounting or business record for the purpose of either violating this Addendum or hiding or obfuscating a violation of this Addendum.
 - 4.1.2.3 No facilitation payments. Subcontractor shall not make any facilitation payments, including but not limited to any undocumented and unreceipted payments made to speed up routine government actions, such as issuing permits or releasing goods held in customs.
 - 4.1.2.1 Tiada orang tengah. Subkontraktor dilarang menggunakan ejen atau membuat bayaran kepada mana-mana orang atau entiti yang berkait dengan pegawai kerajaan tempatan atau asing. Subkontraktor dilarang membuat bayaran kepada mana-mana orang tengah, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada rakan-rakan, sekutu perniagaan atau saudara-mara pegawai kerajaan, untuk memintasi larangan ini. Secara khususnya, bayaran atau pertolongan istimewa yang diberikan kepada mana-mana rakan karib atau saudara rapat pegawai kerajaan yang terlibat dengan mana-mana perniagaan Subkontraktor, sama ada dari dana ERM, dana Subkontraktor ataupun dana peribadi milik seseorang Ejen atau Pekerja Kontraktor, dilarang. Bagi tujuan Adendum ini, "saudara rapat" bererti suami atau isteri, pasangan hidup, ibu atau bapa kandung, ibu atau bapa tiri, anak kandung, anak tiri, adik-beradik kandung, adik-beradik tiri, anak saudara, sepupu, ibu atau bapa saudara, datuk atau nenek, cucu, mertua dan ipar-duai.
 - 4.1.2.2 Kelakuan yang khususnya dilarang. Sebagai menyokong dan tanpa membatasi perkara-perkara yang disebutkan sebelum ini, yang berikut ini dilarang:
 - 4.1.2.2.1 Mengabaikan atau gagal melaporkan sebarang tanda berlakunya pembayaran yang tidak wajar (isu "tidak mengendahkanya").
 - 4.1.2.2.2 Menyebabkan atau membolehkan orang lain melanggar Adendum ini (sama ada dengan membantunya melanggar Adendum ini ataupun cuba menimbulkan "kebolehnafian yang munasabah").
 - 4.1.2.2.3 Mengizinkan Ejen, Pekerja atau wakil lain bagi pihak Subkontraktor atau klien ERM mengambil tindakan yang boleh dipersoalkan ("memalingkan muka").
 - 4.1.2.2.4 Memalsukan, mewujudkan, meninggalkan maklumat, menyalahsifatkan atau mengubah apa-apa rekod perakaunan atau perniagaan sama ada dengan tujuan melanggar Adendum ini ataupun menyembunyikan atau menimbulkan kekeliruan tentang sesuatu pelanggaran Adendum ini.
 - 4.1.2.3 Dilarang membuat bayaran pemudahan. Subkontraktor dilarang membuat bayaran pemudahan, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada bayaran tanpa dokumen dan tanpa resit yang dibuat untuk mencepatkan tindakan yang rutin oleh pihak kerajaan, seperti mengeluarkan permit atau membebaskan barang dalam tahanan kastam.

- 4.1.2.4. No political contributions. Subcontractor shall not make political contributions on behalf of ERM or ERM's client. It is a violation for any funds received from ERM to be used directly for or in reimbursement of any political contribution.
- 4.1.2.5 Charitable contributions and Internships. Subcontractor shall carry out policies on charitable contributions and internships that are consistent with the goals of this Addendum.
- 4.2. Child/Forced Labor.** Subcontractor recognizes that ERM is committed to the elimination of all forms of forced and compulsory labor and to the international effort to abolish child labor. Subcontractor hereby agrees to support ERM's commitment. Accordingly, without limiting the foregoing:
- 4.2.1 No Employee of Subcontractor may hire child or forced labor on behalf of Subcontractor, whether in connection with Subcontractor's duties for ERM or otherwise.
- 4.2.2 Subcontractor is responsible for ensuring that its Employees will be alert to any evidence of child or forced labor abuses in operations linked to Subcontractor's business. If a Subcontractor Employee suspects child or forced labor, such Subcontractor Employee shall report their concerns immediately to their manager. Further if the concern pertains to Subcontractor's duties for ERM, Subcontractor shall promptly notify ERM of the concern.

Student educational work experience that pertains to Subcontractor's duties for ERM must be approved by ERM in writing in advance.

4.1.2.4. Dilarang membuat sumbangan politik. Subkontraktor dilarang membuat sumbangan politik bagi pihak ERM ataupun bagi pihak klien ERM. Perbuatan menggunakan wang yang diterima daripada ERM untuk membuat ataupun untuk menggantikan bayaran yang dibuat sebagai sumbangan politik adalah suatu pelanggaran.

4.1.2.5 Sumbangan amal dan latihan amali. Subkontraktor hendaklah melaksanakan dasar-dasar tentang sumbangan amal dan latihan amali yang selaras dengan matlamat Adendum ini sahaja.

4.2. Buruh Kanak-kanak / Buruh Paksa. Subkontraktor mengakui bahawa ERM memberikan komitmennya terhadap usaha membanteras segala bentuk buruh paksa dan buruh wajib serta usaha antarabangsa untuk menghapuskan penggunaan buruh kanak-kanak. Subkontraktor dengan ini bersetuju bahawa Subkontraktor akan menyokong komitmen ERM ini. Sehubungan dengan itu, tanpa membatasi perkara-perkara yang disebutkan sebelum ini:

4.2.1 Pekerja Subkontraktor dilarang mengupah kanak-kanak mahupun menggunakan buruh paksa bagi pihak Subkontraktor, sama ada berhubung dengan tugas-tugas Subkontraktor untuk ERM ataupun tidak.

4.2.2 Subkontraktor bertanggungjawab memastikan bahawa para Pekerjanya berwaspada akan sebarang tanda penggunaan buruh kanak-kanak atau buruh paksa dalam operasi yang berkait dengan perniagaan Subkontraktor. Jika seseorang Pekerja Subkontraktor mengesyaki bahawa buruh kanak-kanak atau buruh paksa digunakan, Pekerja yang berkenaan hendaklah melaporkan keraguannya itu dengan segera kepada pengurusnya. Selanjutnya, jika keraguan itu berkenaan dengan tugas-tugas Subkontraktor bagi ERM, maka Subkontraktor hendaklah segera memaklumkannya kepada ERM.

Pengalaman belajar sambil bekerja seseorang pelajar yang berkenaan dengan tugas-tugas Subkontraktor bagi ERM mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh ERM secara bertulis.

- 4.3 Procedures; Flow-down.** Subcontractor shall implement effective procedures to carry out the requirements of this Addendum within its organization, its affiliates and its supply chain. Without limiting the foregoing, Subcontractor shall include provisions in its contracts, with any lower tier subcontractors performing work necessary for Subcontractor to carry out its duties to ERM, whereby such lower tier subcontractors agree to be bound by the requirements set forth in this Addendum.
- 4.4 Information.** Subcontractor represents and warrants that it has completed, and returned to ERM, ERM's Supplier/Subcontractor Business Conduct Information Form and that all information provided therein is and will remain true, complete and correct. Subcontractor agrees that a breach of the foregoing warranty is a material breach of its subcontract with ERM.
- 4.3 Prosedur-prosedur; Alir Turun.** Subkontraktor hendaklah melaksanakan prosedur-prosedur yang berkesan untuk memenuhi keperluan Adendum ini dalam organisasinya, pihak-pihak gabungannya dan rantai bekalannya. Tanpa membatasi perkara-perkara yang disebutkan sebelum ini, Subkontraktor hendaklah memasukkan peruntukan ke dalam kontraknya dengan mana-mana subkontraktor peringkat lebih rendah yang menjalankan kerja yang diperlukan oleh Subkontraktor untuk menunaikan tugas-tugasnya kepada ERM, dan subkontraktor peringkat lebih rendah itu bersetuju bahawa mereka akan terikat oleh keperluan yang dinyatakan di dalam Adendum ini.
- 4.4 Maklumat.** Subkontraktor menyatakan dan menjamin bahawa Subkontraktor telah mengisi dan mengembalikan kepada ERM, Borang Maklumat Tataniaga Pembekal / Subkontraktor ERM dan bahawa segala maklumat yang diberikan di dalamnya adalah benar, lengkap dan betul dan akan tetap benar, lengkap dan betul. Subkontraktor bersetuju bahawa kemungkiran jaminan ini ialah kemungkiran penting subkontraknya dengan ERM.

Acknowledged and Agreed*

[Subcontractor company name] ("Subcontractor")

[Nama syarikat Subkontraktor] ("Subkontraktor")

By: _____

Oleh: _____

Name: _____

Nama: _____

Title: _____

Jawatan: _____

Date: _____

Tarikh: _____

**Lack of signature on this Addendum does not limit the binding effect of this Addendum if it is incorporated by reference in the subcontract. Please see Section 1.0 above.*

**Ketidadaan tandatangan pada Adendum ini tidak membatasi kesan ikatan Adendum ini jika digabungkan melalui rujukan di dalam subkontrak. Lihat Bahagian 1.0 sebelum ini.*